

**Pelawat Asing Bawa Pulang Barangan Berkualiti Buatan Malaysia**  
**Bernama**  
**5 Mac, 2014**  
**Oleh Jason Tan Lin King**

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Pelawat asing memanfaatkan Pameran Perabot Antarabangsa Malaysia (MIFF) 2014 dengan membawa pulang barangan berkualiti.

Smart Home, syarikat perabot dari India, menyumber perabot dari Indonesia, Sri Lanka dan China. Sejak tahun lepas, syarikat itu memasukkan Malaysia dalam senarai beliannya.

"Perjanjian perdagangan bebas India-Malaysia yang dimeterai dua tahun lepas, membantu kami dalam mengeksport perabot ke India dengan menawarkan kami proses pelepasan kastam yang lancar," kata Eksekutif Smart Home Periyasamy Chandran kepada Bernama yang ditemui pada pameran perabot itu Rabu.

Malaysia dan India menjalin Perjanjian Ekonomi Komprehensif Malaysia-India (MICECA) pada 24 Sept, 2010 yang meliputi dagangan barangan, perkhidmatan, pelaburan dan pergerakan manusia.

Menerusi MICECA yang berkuat kuasa 1 Julai, 2011, kedua-dua negara akan mengurangkan atau memansuhkan tarif secara berperingkat-peringkat ke atas barangan pertanian dan perusahaan.

Smart Home mahu meningkatkan jumlah import perabot Malaysia kepada 50 peratus tahun ini daripada 30 peratus sebelumnya.

Peruncit Perabot Kanada, Worldwide Home Furnishing Incorporated, juga tidak pernah terlepas MIFF sejak 10 tahun lepas.

"Malaysia mempunyai kedudukan kukuh dalam pasaran perabot dunia walaupun saingan semakin meningkat sejak lima tahun lepas," kata Presidennya Ronnie Mehta.

Beliau berkata masih ada ruang untuk pasaran Malaysia untuk meningkat, dengan syarikat perlu menampilkan produk inovatif dan reka bentuk baharu yang dapat menarik lebih ramai pembeli.

Mobec Office Furniture, sebuah syarikat di Kaherah, Mesir, sedang mengenal pasti meja baharu untuk kegunaan pejabat pada MIFF 2014 bagi melengkapkan penawaran kerusi dan sofa sedia adanya.

"Kami mengimport produk dari Malaysia sejak 1999, namun ekoran kedudukan ekonomi dan politik di Mesir, perniagaan tertangguh sementara, namun kami kini sudah sedia untuk meneruskan operasi perniagaan," kata Pengurus Pemasarannya Mina El Tarazy.

Walaupun syarikat Mesir menghasilkan produk sendiri, Mina berkata kualitinya kurang berbanding pengeluaran Malaysia.

MIFF 2014 yang berlangsung selama lima hari mulai hari ini, dijangka menjana peningkatan jualan sebanyak lima peratus berbanding US\$854 juta yang direkodkan pada pameran itu tahun lepas.

Pameran itu berlangsung di dua lokasi bagi menampung lebih daripada 500 pempamer

tempatan dan antarabangsa dan kira-kira 20,000 pelawat perdagangan.

Pelawat dari Itali, Rusia, Belgium dan Jepun dijangka mengunjungi pameran itu, platform terbesar tunggal untuk perabot Buatan Malaysia.

Tahun lepas ekspo itu menarik 6,054 pembeli luar negara dari lebih 140 negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019359>